

JKM bantu mangsa kebakaran

Boleh mohon bantuan perniagaan dan bantuan rumah melalui Tabung Darul Iman

NORHASPIDA YATIM

KUALA TERENGGANU – Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Terengganu sedia bantu mangsa yang terlibat dalam kebakaran melibatkan 13 premis di Jalan Petani, berhampiran Dataran Shahbandar, di sini, Khamis lalu.

Pegawai Penyelaras Dun Ladang, Datuk Mohd Sabri Alwi berkata, terdapat dua bantuan yang boleh dituntut oleh mangsa iaitu bantuan perniagaan dan bantuan rumah yang disalurkan melalui Tabung Darul Iman.

Menurutnya, melalui Tabung Darul Iman, kerajaan negeri ada peruntukan khas untuk membantu rakyat yang ditimpa musibah. Manakala bagi perniagaan, biasanya peniaga yang layak menuntut bantuan musibah ialah perniagaan yang modalnya di

info • Bantuan akan diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas semua maklumat diperoleh

bawah RM5,000.

“Kita juga ada peruntukan RM40,000 untuk bina baru rumah, sekiranya tuan rumah ingin buat sendiri, kita akan beri bantuan sebahagian sahaja iaitu RM25,000 dengan syarat, tanah bagi kediaman yang musnah ialah tanah sendiri,” katanya pada sidang media selepas perjumpaan bersama mangsa kebakaran di Kampung Tanjung, di sini, semalam.

Turut hadir, Pengerusi MCA Negeri, Datuk Toh Chin



Zainal (kiri) menunjukkan salah satu kerosakan pada sebuah premis yang terlibat dalam kebakaran Khamis lalu kepada Mohd Sabri (dua kiri).

Yaw dan Ketua Penolong Pengarah JKM Negeri, Zainal Omar.

Mohd Sabri berkata, bantuan yang diperuntukkan itu akan diselesaikan dalam tempoh seminggu selepas semua maklumat terperinci

mengenai mangsa kebakaran diperoleh memandangkan tarikh perayaan Hari Raya Aidilfitri semakin hampir.

“Yang menjadi kesulitan di sini ialah kebanyakan premis yang terlibat adalah sewaan dan ada sebanyak tiga pre-

mis yang tidak berpenghuni. Bagi premis yang tidak berpenghuni kita tak boleh bantu, bagi premis sewaan pula kita ada sedia bantuan pemuliharaan kepada penyewa.

“Selain itu, terdapat juga premis yang diduduki teta-

pi bukan atas tanah sendiri, yang ini kita tak dapat bantu untuk bantuan bina rumah, namun, kita akan usahakan bagi mereka yang terlibat untuk mendapatkan rumah di Program Perumahan Rakyat (PPR) Hiliran kerana adayang masih kosong,” katanya.

Dalam pada itu, Mohd Sabri berkata, Umno Kuala Terengganu telah menyalurkan bantuan awal sebanyak RM500 kepada mangsa terlibat ketika pertemuan bersama mereka semalam.

“Kita bantu rakyat bukan hanya pada PRU, kita bantu setiap masa. Kita akan lihat apa kebajikan yang boleh dibuat kepada rakyat,” katanya.

Sementara itu, Chin Yaw berkata, MCA Terengganu akan menghulurkan bantuan bagi meringankan beban mangsa terlibat.